

# TAKDIR ISLAM: JAMBATAN PERADABAN ANTARA TIMUR DENGAN BARAT<sup>1</sup>

Osman Bakar<sup>2</sup>

Jika kita perhatikan peta geografi dunia kini, kita dapat melihat bahawa bahagian bumi yang secara tradisinya dikenali umum sebagai dunia Islam (*dar al-islam*) betul-betul berada di 'tengah-tengah' dunia. Ke-sebelah timurnya negara-negara Cina, Mongolia, Korea dan Jepun. Ke sebelah baratnya Eropah dan Amerika yang pernah disebut oleh Rene Guenon sebagai "Barat Jauh."<sup>3</sup> Ke sebelah utaranya pula Rusia manakala ke sebelah selatannya Australasia dan bahagian benua Afrika di bawah garis khatulistiwa. Dunia Islam yang kami maksudkan adalah sebahagian bumi yang majoriti penduduknya terdiri daripada para penganut agama Islam. Bahagian bumi ini terbentang luas dari Maghribi di hujung baratnya hinggalah ke Indonesia di hujung timurnya dan dari hujung utaranya yang mencecah Rusia hinggalah ke hujung selatannya yang melampaui Pulau Comoros di Lautan Hindi.

Fakta geo-demografi ini sahaja, yang tidak banyak berubah di sepanjang sebahagian besar sejarah Islam kecuali yang membabitkan kehilangan Sepanyol dan satu dua tempat lagi, cukup untuk melayakkan dunia Islam mendapat gelaran 'umat pertengahan'.<sup>4</sup> Ringkasnya, dari segi geografi, dunia Islam sememangnya merupakan jambatan antara Timur dan Barat, dan juga antara Utara dan Selatan.

Adalah takdir masyarakat dan dunia Islam untuk menjadi 'umat pertengahan' bukan hanya dalam pengertian geografi, tetapi juga dalam pengertian teologi, budaya dan peradaban seperti yang akan kita dapat perhatikan nanti. Dengan kata lain, baik dari segi geografi mahu pun dari segi budaya dan peradaban Islam merupakan jambatan istimewa antara empat penjuru planet bumi kita ini. Agak jelas kepada kita bahawa idea jambatan dalam pengertian geografi sangat mudah untuk difahami tetapi idea jambatan dari segi kebudayaan atau peradaban lebih sukar untuk digambarkan.

Tujuan utama kertas ini adalah untuk menggambarkan peranan penting yang telah dimainkan oleh peradaban Islam dalam sejarah manusia sebagai jambatan peradaban antara peradaban timur dan peradaban barat. Selanjutnya, kertas ini bertujuan menegaskan bahawa jika sifat tabii peradaban Islam benar-benar difahami, jika identitinya dapat dikenalpasti dengan baik, dan jika peranan sejarahnya sebagai jambatan antara pelbagai peradaban sentiasa diberi perhatian maka akan menjadi sulit bagi sesiapa sahaja untuk menyetujui tesis "pertempuran peradaban" (*clash of civilizations*) yang dikemukakan oleh ahli sains politik Harvard, Samuel Huntington.<sup>5</sup> Dalam menghuraikan tesisnya yang penuh kontroversi itu Huntington telah membayangkan senario pertempuran peradaban yang bakal mencorakkan politik global, malahan mungkin mendominasinya. Dalam pertempuran itu nanti, negara-negara Islam akan membentuk pakatan ketenteraan dengan negara-negara penganut ajaran Konfucius untuk mencabar kepentingan, nilai dan kekuasaan Barat. Tesis ini telah dikritik hebat oleh banyak pihak dari seluruh dunia, termasuk di Malaysia sendiri.<sup>6</sup>

Gagasan umat Islam sebagai 'umat pertengahan' tidak dicipta oleh kaum Muslimin selepas turunnya agama Islam daripada Tuhan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Bukan pula ia suatu idea yang terlintas dalam fikiran umat Islam selepas berlalunya suatu tempoh masa yang panjang dalam sejarah Islam sebagai sebuah empayar, sebuah agama dunia dan satu peradaban dunia. Gagasan

demikian telah terasas dalam kitab suci Islam sendiri iaitu al-Quran. Dalam al-Qura`n, Tuhan telah menyifatkan agama baru ini serta para pengikutnya sebagai *ummatan wasatan*, yang bererti 'umat atau komuniti pertengahan' atau 'masyarakat yang mengambil jalan tengah'. Dalam al-Quran termaktub:

*"Demikianlah, Kami telah menjadikan kamu umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas seluruh manusia atau komuniti dunia." (2:143)*

Setelah agama Islam mendapat sambutan luar biasa daripada pelbagai bangsa dan keturunan manusia di luar padang pasir Arab, lalu terus muncul di pentas dunia sebagai sebuah agama utama dan sebuah peradaban unggul tidak lama selepas ia diwahyukan, bumi umat Islam kelihatan berjaya memaparkan kedudukan pertengahannya di antara timur dan barat, dan di antara utara dan selatan. Kemunculan umat Islam "di tengah-tengah" dunia semacam membuktikan ramalan al-Quran tadi.

Gagasan "umat pertengahan" adalah konsep kunci yang perlu difahami oleh sesiapa juga yang ingin mengenali dari dekat sifat tabii peradaban dan identiti Islam. Dalam Islam, kesedaran-peradaban (*civilization-consciousness*) berpokok-punca daripada ajaran-ajaran al-Quran tentang asal-usul yang sama bagi seluruh umat manusia, hakikat kemanusiaan, kebaikan universal manusia, kesejagatan pemberian ni'mat Ilahi kepada seluruh bangsa manusia, malahan kepada semua makhluk, hikmah di sebalik kepelbagaian bangsa dan kebudayaan dan agama, kerjasama antara kebudayaan dan peradaban dalam usaha memakmurkan kebaikan bersama bagi semua manusia, keadilan sosial sejagat, dan tanggungjawab bersama untuk memulihara bumi kita. Menerusi ajarannya tentang pelbagai isu dasar ini al-Quran memberi pengisian makna kepada gagasan 'umat pertengahan' seperti yang terdapat dalam ayat yang telah disebutkan.

Kesedaran-peradaban yang dikehendaki oleh Islam tertanam dan terpelihara berdasarkan idea-idea asas yang telah dinyatakan di dalam al-Quran. Jika itulah jenis kesedaran terhadap peradaban

yang agama Islam ingin melihat terpupuk dan berkembang subur dalam fikiran dan jiwa manusia maka jelaslah bahawa agama Islam amat menaruh perhatian terhadap gagasan 'peradaban sejagat'. Semua batu asas pembentukan kesedaran peradaban yang telah ditegaskan oleh al-Quran langsung tidak membayangkan semangat kepuakan ("sectarianism") tetapi sebaliknya menyerlahkan semangat kesejagatan atau keuniversalan ("universalism").

Memang benar, Islam sebagai sebuah agama memiliki sifat-sifat khusus yang hanya ada pada dirinya dan tidak pada agama-agama lain. Ciri-ciri kekhususan atau partikularisme seperti ini juga terdapat pada agama-agama lain. Tetapi, Islam sebagai sebuah peradaban telah memperkenalkan serta menampilkan dalam sejarah banyak unsur dan sifat yang kemudian telah diterima secara umum di dunia moden. Sebilangan besar idea dan institusi yang dilahirkan oleh Islam di zaman kreatifnya yang gilang gemilang telah diterima sebagai satu bahagian penting peradaban sejagat moden termasuklah peradaban Barat moden. Di antara warisan Islam yang dimaksudkan ini termasuklah perlembagaan bertulis negara yang antara lainnya memuatkan peruntukan bagi hak-hak keagamaan dan hak-hak kumpulan minoriti; prinsip-prinsip perundangan antarabangsa yang membolehkan hubungan kerjasama terjalin di kalangan negara-negara yang berbeza dalam pengamalan undang-undang mereka; ilmu perbandingan agama; tata etika pelayanan tawanan perang; pelbagai idea dan amalan dalam pembentukan dan perjalanan institusi universiti moden dan profesion akademik; dan juga pelbagai idea dan amalan dalam budaya saintifik dan intelektual moden.

Kesejagatan budaya saintifik yang dimajukan dalam pemerintahan dan peradaban Islam sangat dikagumi oleh ramai sarjana Barat. Di antara yang memberi pujian termasuklah ahli sejarah Marxis British yang bernama J. D. Bernal. Di samping itu, kesejagatan budaya intelektual yang telah dibangunkan serta dipraktikkan dalam peradaban Islam turut memperoleh pengakuan, antaranya, daripada orientalis bangsa Itali, Assendro Bausani. Dalam mengakui kesejagatan itu, Bausani menegaskan

bahawa budaya intelektual Islam merupakan sebahagian penting budaya Barat moden.

Sumbangan Islam terhadap universalisme (faham kesejagatan) dan pembangunan peradaban sepunya manusia yang benar-benar universal tidak hanya terbatas pada kegemilangan masa lalu. Islam merupakan peradaban yang 'hidup' yang mampu menampilkan dinamisme yang lebih besar pada masa mendatang berbanding yang pernah diperlihatkan pada masa lalu. Berdasarkan keupayaan Islam di masa lampau mewujudkan serta memimpin peradaban sejagat dan berdasarkan ajaran-ajaran universalnya yang terus menawan akal bijak bistari di seluruh dunia maka tidak mustahil Islam sekali lagi diambil sebagai sumber inspirasi utama dalam pembentukan peradaban sejagat yang baru. Sementara itu di kalangan umat Islam banyak pihak yang akan terus membuat penegasan bahawa peradaban sejagat seumpama itu sangat diperlukan oleh umat manusia. Mereka menaruh keyakinan bahawa impian suci ini lambat laun akan menjadi kenyataan, lantaran itu mereka gigih memperjuangkan penghayatannya.

Ternyata bahawa apa yang setakat ini disebutkan sebagai sifat dan identiti peradaban Islam dan fahaman kesedaran-peradaban yang hendak dipupuk dan disebarikan oleh agama Islam jelas bertentangan dengan "mentaliti" peradaban Islam yang digambarkan oleh Huntington. Menurut Huntington, "adalah suatu tanggapan pasti bahawa peradaban sejagat merupakan gagasan Barat, suatu pemikiran yang berlawanan dengan fahaman kesukuan atau "partikularisme" kebanyakan masyarakat Asia dan penekanan mereka terhadap apa yang membezakan sesuatu kaum dari yang lain."<sup>7</sup>

Pandangan Huntington bahawa idea tentang kemungkinan wujudnya suatu peradaban sejagat adalah konsep asli Barat sebenarnya tidak disokong oleh fakta sejarah. Memang benar, dunia Barat telah mengembangkan idea itu di zaman moden tetapi dunia Islam telah mendahului Barat dalam mengasaskan dan memajukan fahaman peradaban sejagat. Walau sekali pun konsep

kesejagatan peradaban dilihat dan dinilai dari kriteria moden, adalah fakta sejarah bahawa Islam merupakan agama dan budaya pertama di dunia yang berjaya membangunkan sebuah peradaban sejagat yang komprehensif (yakni lengkap). Islam merupakan peradaban pertama yang bersempadan dan berinteraksi dengan semua budaya semasa utama di dunia. Pengalaman global peradaban Islam ini selaras dengan kedudukan alamiah yang telah ditakdirkan bagi dirinya sebagai umat pertengahan. Sebelum zaman moden, antara sekian banyak agama di dunia Islamlah yang paling banyak mengalami pertemuan dan interaksi dengan peradaban-peradaban lain.<sup>8</sup>

Bukankah peradaban yang dibangun bersama di Sepanyol oleh kaum Muslimin, kaum Yahudi dan kaum Kristian di bawah naungan bendera peradaban Islam, merupakan sebuah peradaban sejagat ? Bukan sekadar mereka di kalangan umat Islam yang mengiakan jawapan soalan ini. Sebilangan pemikir Yahudi dan Kristian juga beranggapan demikian. Max Dimont iaitu seorang pakar sejarah pemikiran dan peradaban Yahudi, menyatakan bahawa era keemasan bangsa Yahudi di Zaman Pertengahan berlaku pada masa yang sama dengan era keemasan Islam, malahan ia berlaku di bawah pemerintahan Islam.<sup>9</sup> Kenyataan ini membawa maksud bahawa apa yang orang-orang Muslim, Yahudi dan Kristian bangun bersama dalam peradaban Islam benar-benar merupakan sebuah peradaban yang sejagat. Pada hari ini, sebilangan intelektual Eropah dan Amerika menzahirkan secara terbuka nostalgia mereka terhadap kebudayaan dan peradaban Andalusia. Di antara mereka termasuklah Harold Bloom yang termasyhur dengan bukunya *The Closing of the American Mind* dan Maria Rosa Menocal, seorang Profesor Bahasa Sepanyol dan Bahasa Portugis di Universiti Yale, Amerika Syarikat.<sup>10</sup> Mereka ingin kembali kepada kesejagatan peradaban Andalusia kerana mereka memiliki pandangan yang teguh bahawa peradaban Eropah pasca-moden kurang memiliki sifat kesejagatan tetapi sebaliknya lebih bersifat kepuakan dan partikular sekalipun apabila dibandingkan dengan Zaman "Enlightenment", apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan peradaban Islam di Andalusia.

Identiti peradaban Islam banyak ditentukan oleh sifat keagamaannya yang menekankan doktrin-doktrin dan perspektif-perspektif kerohanian, intelektual dan kemasyarakatan yang bersifat sejagat. Oleh yang demikian, bolehlah dianggap bahawa agama dan peradaban Islam itu sinonim dengan fahaman universalisme atau dengan nilai-nilai sejagat. Ini tidak bermakna bahawa peradaban Islam langsung tidak mempunyai ciri-ciri yang khusus baginya. Setiap peradaban mempunyai identiti dwi dimensi, iaitu dimensi kesejagatan dan dimensi kesukuan. Peradaban Islam seperti juga peradaban Barat moden tidak terkecuali dari memiliki ciri-ciri khusus dan ciri-ciri kelainan. Jika ada isu yang hendak ditimbulkan berhubung dengan ciri-ciri peradaban, maka paling wajarnya ia bukan isu peradaban mana yang tidak mempunyai ciri-ciri kesukuan, kepuakan, dan ciri-ciri kelainan pada amnya. Isu sebenarnya, peradaban mana yang lebih banyak menampakkan ciri-ciri universal dan yang berjaya mengimbangi antara ciri-ciri universal dan ciri-ciri partikular.

Yang hendak didakwa di sini ialah bahawasanya berbanding dengan peradaban Barat sama ada di zaman klasik atau di zaman moden, peradaban Islam di zaman kegemilangannya jauh lebih universal sifatnya. Bagi dunia Barat masa kini, ia melihat peradaban modennya sebagai yang paling gemilang dalam sejarahnya. Peradaban Barat moden inilah yang telah ditonjolkan dengan bangganya oleh Huntington sebagai tempat kelahiran nilai-nilai universal dan fahaman peradaban sejagat, juga sebagai peradaban yang tidak ada tolok bandingnya dari segi pencapaian kesejagatannya. Tetapi hakikat sebenarnya tidaklah seperti itu. Tidak boleh dinafikan bahawa dalam beberapa bidang kehidupan seperti budaya ilmu dan intelektual, politik dan ekonomi, dan teknologi dunia Barat moden telah memberi sumbangan bererti terhadap peradaban sejagat yang diterima umum oleh semua bangsa manusia. Tetapi selari dengan pembangunan unsur-unsur budaya sejagat yang positif ini, dunia Barat juga banyak mencipta unsur-unsur budaya negatif yang tidak disenangi oleh sebahagian besar umat manusia meskipun atas sebab-sebab tertentu budaya negatif itu sudah pun menjadi "budaya global."

Antara yang negatif, boleh disebutkan aspek-aspek budaya kepenggunaan, budaya hiburan, budaya politik dan budaya ekonomi yang mendewa-dewakan ketamakan dan kerakusan, penipuan dan fitnah-memfitnah, dan hubungan seks di luar institusi perkahwinan tradisional seolah-olah semua ini merupakan nilai-nilai normal manusia yang murni pada hal ia bertentangan dengan nilai-nilai murni sejagat manusia yang sebenar. Walau pun budaya negatif ini sudah menjadi “budaya global” dalam ertikata bahawa ia tersebar luas ke seluruh dunia sehingga mempengaruhi jenerasi muda di kalangan semua agama, budaya dan peradaban, ia tidak layak untuk diiktiraf sebagai lambang nilai-nilai universal sebenar seperti yang difahami zaman berzaman oleh umat manusia.

Banyak ciri, idea, nilai dan norma yang berleluasa di dunia Barat kontemporari dan mendominasi peradabannya dan kemudian diglobalisasikan lebih tepat lagi dianggap sebagai dimensi kesukuan dan kekhusuan (partikularisme) peradaban Barat moden. Sebahagian besar orang Barat sendiri tidak menyenangi budaya negatif ini. Ini termasuklah penganut-penganut agama Kristian dan Yahudi yang masih berpegang kuat dengan ajaran-ajaran tradisional agama masing-masing. Kaum Muslimin harus sedar bahawa banyak daripada unsur-unsur budaya moden yang datang dari dunia Barat, sama ada yang baik atau yang buruk, tidak ada kena-mengena dengan nilai dan etos Yahudi-Kristian. Agama Kristian dan agama Yahudi tidak memainkan peranan utama atau peranan sentral dalam pembentukan peradaban Barat moden. Peranannya setakat mana yang dapat dilihat adalah peranan terpinggir (“marginalised role”).

Pada umumnya, masyarakat Islam dan masyarakat-masyarakat lain di luar dunia Barat tidak mempersoalkan pengaliran unsur-unsur kebudayaan dan peradaban sejagat ciptaan kebijaksanaannya ke benua-benua lain selagi ianya baik dan berguna kepada semua manusia. Apa yang benar-benar bersifat sejagat, sekalipun berasal dari Barat lambat laun akan diterima oleh dunia. Pada mulanya, mungkin terdapat beberapa rintangan



sebelum budaya baru itu diterima, lazimnya rintangan yang dicetuskan oleh kecurigaan, prasangka dan kebencian terhadap Barat terutamanya atas sebab-sebab politik. Tetapi, kesudahannya manusia akan memihak kepada kebenaran dan kebaikan. Apa yang benar-benar sejagat boleh disamakan dengan kebenaran dan kebaikan.

Sayangnya, buat masa ini ada ramai orang Islam yang cenderung mencetuskan rintangan-rintangan tidak berasas terhadap usaha menerima kebaikan dari budaya dan peradaban lain seperti ilmu sains dan teknologi dan institusi kemasyarakatan. Dengan berbuat demikian, mereka menunjukkan bahawa mereka tidak memiliki kebijaksanaan dan ketajaman akal dalam membuat perbezaan antara universalisme (faham kesejagatan) dan partikularisme (faham kesukuan). Sikap seperti itu juga boleh memperbesarkan imej masyarakat Islam sebagai masyarakat yang lebih cenderung untuk mengembangkan dan mengagungkan partikularisme dan semangat kepuakan ("exclusivism").

Kritikan wajar terhadap peradaban Barat moden adalah berkaitan dengan aspek usahanya untuk mengglobalisasikan budaya negatifnya dan memaksakan aspek budayanya yang bersifat partikular atau "kebaratan" ke atas budaya dan peradaban lain atas nama menegakkan universalisme dan fahaman peradaban sejagat. Pengkritik kebudayaan Barat menggelar pemaksaan atau "globalisasi paksaan" ini imperialisme kebudayaan. Amalan memaksa universalisme "kepura-puraan" lagi angkuh ini ke atas seluruh umat manusia dengan sendirinya membayangkan adanya perbezaan ketara dan pertentangan antara peradaban Barat moden dan peradaban-peradaban lain, khususnya peradaban Islam. Ia juga membayangkan kurangnya keyakinan di pihak pengeksport budaya kesukuan Barat moden terhadap penerimaannya oleh dunia bukan Barat secara sukarela, aman dan beransur-ansur.

Dapat ditegaskan bahawa setiap peradaban semestinya memiliki dua wajah kembar, yang satu bernama wajah kesejagatan ("universalisme") dan yang satu lagi bernama wajah kesukuan ("partikularisme"). Pada masa yang sama dapat ditegaskan bahawa

pada dasarnya sebahagian peradaban manusia didapati lebih universal sifatnya berbanding dengan yang lain. Pada hemat kami, dari segi ajarannya dan manifestasi sejarahnya, agama Islam telah melahirkan peradaban yang paling universal dalam sejarah manusia. Tetapi, andainya pernyataan ini benar, mengapakah Huntington, misalnya, gagal melihat wajah kesejagatan yang dimiliki Islam? Mengapakah beliau telah menonjolkan wajah partikularisme sebagai wajah sebenar agama dan peradaban Islam? Dalam hal ini, umat Islam sendiri boleh turut dipersalahkan. Ini kerana sebahagian mereka melihat kebangkitan keagamaan sebagai usaha untuk menekankan dan menonjolkan aspek partikularisme dalam Islam. Tetapi sangat sedikit penekanan mereka terhadap aspek kesejagatan Islam. Lebih-lebih lagi, melalui kata-kata dan perbuatan, mereka seringkali menunjukkan penolakan tanpa pengecualian terhadap semua yang datang dari Barat, iaitu suatu sikap dan amalan yang sama sekali bertentangan dengan ajaran-ajaran universal Islam.

Kita perlu membezakan antara kesedaran-peradaban dan kesedaran-keagamaan. Salah satu sumbangan positif yang diberikan oleh Huntington terhadap kajian peradaban semasa melalui tesis 'pertempuran peradaban' nya adalah dari segi beliau membantu mempopularkan idea kesedaran-peradaban dan mendorong percambahan dialog di merata tempat di dunia terhadap isu tersebut. Namun demikian, kita tidak bersetuju dengan pendapat beliau tentang beberapa perkara. Contohnya, kita tidak bersetuju apabila beliau mengatakan bahawa pertumbuhan kesedaran-peradaban merupakan salah satu faktor yang akan membawa kepada berlakunya konflik ketamadunan. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kesedaran-peradaban boleh membawa kepada pertumbuhan faham kesejagatan atau membawa kepada faham kesukuan atau kedua-duanya sekali, bergantung pada wajah sebelah mana identiti peradaban yang hendak ditonjolkan dan ditekankan. Oleh itu, jenis apa dan dimensi mana dari kesedaran-keagamaan yang dipupuk dan dikembang-majukan di dalam masyarakat adalah merupakan faktor penting untuk dipertimbangkan dalam kita berdebat tentang

kemungkinan berlakunya konflik ketamadunan dalam pentas politik dunia akan datang.

Arus perdana umat Islam di seluruh dunia masih menaruh kepercayaan besar terhadap identiti tradisional peradaban Islam. Jika ada sepatah perkataan yang boleh menyingkap dengan baik akan identiti tradisional peradaban Islam, maka tidak lain dan tidak bukan perkataan itu ialah *ummatan wasatan* atau 'umat pertengahan'. Idea pertengahan itu sendiri adalah sejagat pada tabiinya, jika kita mengeneipikan makna literalnya. Dari segi makna literalnya, perkataan *wasatan* merujuk kepada lokasi geografi dunia Islam yang sentral atau berada ditengah-tengah dunia. Tetapi, perkataan *wasatan* juga boleh dipakai untuk membawa makna yang merujuk kepada "kesederhanaan" (*moderation*) kepercayaan, pemikiran, perilaku dan gelagat manusia. Dengan perkataan lain, makna *wasatan* boleh merujuk pada budaya dan peradaban manusia. Apabila idea pertengahan dan kesederhanaan diterapkan pada perkara-perkara ini maka ia memberikan konotasi keseimbangan ("equilibrium") dan keadilan. Atas pertimbangan inilah maka kita wajar mengatakan bahawa identiti sebenar atau jati diri peradaban Islam telah dicorakkan dalam acuan keseimbangan, keadilan dan kesederhanaan.

Lantaran itu, pelbagai ragam dan pola ekspresi kemelampauan ("ekstremism") dan keganasan yang terdapat di banyak bahagian dunia Islam dewasa ini jelas tidak melambangkan identiti sebenar peradaban Islam. Tetapi, adalah menjadi harapan umat Islam agar fenomena ekstremisme ini semata-mata merupakan episod-episod dalam sejarah Muslim yang bersifat pinggiran dan sementara dalam kehidupan dan peradaban Islam. Pada asasnya, terjadinya semua itu dapat difahami sebagai perbuatan tindak balas "pendek akal", melulu lagi tergesa-gesa daripada sesetengah kelompok Islam terhadap apa yang mereka sifatkan sebagai kejahatan dan ketidakadilan kuasa-kuasa tertentu dunia semasa. Tindak-tanduk mereka tidak menampakkan kewarasan dan kerationalan, pengetahuan, kematangan dan kebijaksanaan. Sebaliknya, semua itu

memperlihatkan kejahilan, kegopohan dan kekecewaan pihak pelampau yang mengganas atas nama Islam. Walau sekalipun mereka berada di pihak yang benar, namun sikap mereka harus dikecam dan dikutuk oleh masyarakat kerana sikap dan perbuatan seperti itu jelas berlawanan dengan ajaran Syariat Islam yang menegaskan bahawa “matlamat yang baik tidak boleh menghalalkan cara tidak baik bagi mencapainya.”

Dalam menjelaskan ajaran Islam tentang idea “jalan pertengahan” yang hendak diterapkannya dalam budaya dan peradaban manusia kita boleh memberi contoh-contoh berikut. Dalam bidang politik, Islam mengambil jalan tengah antara pemerintahan teokrasi seperti yang difahami dalam sejarah keagamaan di Barat dan yang kini sangat dibenci oleh orang-orang Barat dan demokrasi moden sekular yang didasarkan pada faham individualisme yang juga lahir di Barat. Prinsip, nilai-nilai dan amalan ‘demokrasi’ yang berasaskan ajaran-ajaran Islam tentunya akan berusaha mengharmonikan antara hak-hak Tuhan dengan hak-hak dan tanggungjawab manusia. Dalam bidang ekonomi pula, dari segi teori dan amalan, ajaran Islam menawarkan jalan tengah antara ideologi kapitalisme sekular dan materialistik yang menjadi anutan ‘Dunia Barat Yang Bebas’ (*The Free West*) dan fahaman sosialisme dan komunisme yang juga berjiwa materialistik.

Dalam bidang teologi, agama Islam telah mengemukakan ajaran tauhid yang menyatukan dengan sempurna idea tanzih (“transcendent”) dan idea tashbih (“immanence”)<sup>11</sup> dan yang menyatukan idea kudus “sacred” dan idea keduniaan (“profane”) dalam kerangka keruhanian yang berpaksikan prinsip keesaan Allah. Dalam bidang institusi sosial, misalnya yang berkaitan dengan institusi perkahwinan, pendirian Islam berada ditengah-tengah antara pendirian sebilangan agama yang tidak membolehkan perceraian sama sekali<sup>12</sup> dengan pendirian semasa yang diterima pakai di dunia Barat “liberal” yang tidak lagi mempercayai perkahwinan sebagai institusi suci dalam pengertian keagamaan. Dalam bidang pemikiran dan falsafah, Islam menegaskan

keseimbangan antara bentuk rasionalisme yang keterlaluan dengan faham empirisme, iaitu suatu model pemikiran yang sangat jelas tergambar dalam sejarah intelektual Barat moden. Pendek kata, kita boleh menghitung satu persatu 'pendirian pertengahan' Islam dalam pelbagai bidang lain dalam kehidupan dan pemikiran manusia.

Dengan bercahayakan ajaran murninya tentang idea pertengahan dalam soal kebudayaan dan peradaban, maka Islam telah membicarakan dan mengembangkan hubungan dengan peradaban lain, sanggup mempelajari dan mengambil idea-idea dari mereka, lalu dengan kebijaksanaannya mensintesis dan mengembangkannya pula serta menyemaikan dan memajukannya dalam bentuk baru untuk disebarkan ke seluruh dunia termasuk ke tempat asal idea yang dipinjamnya.

Dalam bidang sains, teknologi dan falsafah, peradaban Islam pada mulanya mengambil idea-idea antara lainnya daripada sains Greek-Yunani, sains Cina, sains India dan sains Parsi, sekadar menyebut yang utama sahaja, dan kemudiannya telah berjaya mengembangkan unsur-unsur sains yang dipinjam itu untuk menghasilkan sains pertama yang bersifat sejagat (*first universal science*) dalam sejarah manusia. Sains yang terhasil dalam peradaban Islam ini layak digelar sains Islam kerana ia benar-benar secocok dengan ajaran Islam dalam segala segi. Pada masa yang sama, ia benar-benar bersifat sejagat bukan dalam ertikata bersifat global semata-mata tetapi jauh lebih penting daripada itu ia bersifat universal dari segi tabii dan skop keilmuannya. Sains ini kemudiannya amat mempengaruhi kemunculan "Renaissance" Eropah dan kelahiran sains moden di Barat.

Seperti juga agama Yahudi dan agama Kristian agama Islam terbilang sebagai anggota keluarga agama yang mendakwa telah mewarisi agama Nabi Ibrahim. Oleh kerana itu, secara teologi, agama Islam lebih dekat dengan dua agama tersebut berbanding dengan hubungannya dengan agama-agama lain seperti agama Hindu, agama Buddha dan agama-agama di China, Korea dan Jepun. Tetapi yang menariknya, berkat pendirian pertengahannya dalam bidang

ajaran teologi, agama Islam berkeupayaan untuk memahami dengan baik agama Hindu,<sup>13</sup> agama Buddha<sup>14</sup> dan agama-agama lain orang Cina serta berbicara secara konstruktif dengan agama-agama tersebut. Di Timur Jauh sebelum zaman moden hanya agama Shinto, yang merupakan agama pribumi Jepun dan unik kepada bangsa itu yang tidak pernah bertemu dan berinteraksi dengan Islam. Tentunya menarik seandainya dapat dilakukan dialog antara Islam dengan Shintoisme. Di jangkakan juga dialog antara dua agama ini akan berhadapan dengan banyak cabaran. Namun demikian, barangkali, usaha ke arah dialog dua agama ini wajar dijadikan agenda untuk masa depan lebih-lebih lagi dalam konteks penghayatan dialog peradaban yang melibatkan Jepun, dunia Islam dan dunia Barat. Bagaimana pun, kita berkeyakinan bahawa sebagai pelopor ilmu perbandingan agama, agama dan peradaban Islam sebenarnya memiliki khazanah kerohanian dan intelektual yang lebih daripada mencukupi untuk melakukan dialog dan diskusi yang amat bermakna dengan semua agama dan peradaban di dunia termasuklah dengan Shintoisme sendiri

Suatu fakta yang tidak dapat dipertikaikan lagi ialah bahawasanya dunia Barat telah mempelajari banyak perkara tentang agama-agama di dunia Timur melalui peradaban Islam. Misalnya, penyebaran tentang kajian Hindu di Barat banyak dibantu oleh terjemahan ke dalam bahasa Latin dari versi *Bhagavid-Gita*, *Yoga Vasishtha* dan *Upanishads* dalam bahasa Parsi.<sup>15</sup> Terjemahan Latin ini mempengaruhi sebilangan ahli falsafah terkemuka Eropah, termasuk Schelling dan William Blake.

### **Kesimpulan**

Apa yang saya cuba lakukan dalam bicara yang singkat ini adalah untuk memperlihatkan bahawa dalam ajaran-ajaran kerohanian Islam dan manifestasi sejarahnya, agama Islam telah berperanan sebagai jambatan peradaban antara dunia Timur dengan dunia Barat, dan antara dunia Utara dengan dunia Selatan. Jika sekiranya agama

Islam benar-benar menghayati kesedaran-peradaban seperti yang dikehendaki oleh idea tradisionalnya tentang 'umat pertengahan', maka adalah sesuatu yang bertentangan dengan identiti dan keperibadian peradaban Islam seandainya ia menjalin hubungan dan membentuk pakatan dengan peradaban bukan Barat semata-mata dengan tujuan untuk mencabar kuasa, nilai dan kebudayaan Barat seperti yang disalahkan oleh Huntington. Agama dan peradaban Islam tidak memihak kepada Timur dan juga tidak memihak kepada Barat. Agama dan peradaban Islam memihak kepada kebenaran dan keadilan universal yang menjadi intisari ajarannya. *Wallahu a'lam.*

#### Nota

- <sup>1</sup> Versi asal kertas ini ialah di dalam bahasa Inggeris dengan judul 'Islam's Destiny: A Civilizational Bridge between East and West.' Kertas tersebut telah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa tentang Dialog Peradaban mengenai tema "Islam, Jepun dan Barat" anjuran Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya pada bulan Mac 1996. Kertas itu berikutnya diterbitkan sebagai sebuah bab di dalam buku saya (1997) berjudul *Islam and Civilizational Dialogue: the Quest for a Truly Universal Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- <sup>2</sup> Profesor di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Emeritus Falsafah Sains di Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, dan Felo Kanan, Pusat Kesefahaman Muslim-Kristian, Universiti Georgetown di Washington, DC
- <sup>3</sup> Rene Guenon (1886-1951) ialah seorang tokoh Orientalis bangsa Perancis yang telah memeluk agama Islam dengan mengambil nama Abdul Wahid Yahya. Rujukannya kepada Amerika sebagai "The Far West" atau "Barat Jauh" boleh didapati dalam bukunya (1941) *East and West*, London: Luzac & Co.

- <sup>4</sup> Kitab Suci al-Qur'an sendiri yang telah memberi gelaran *ummata wasatan* kepada umat Nabi Muhammad s.a.w., yakni 'umat pertengahan.' Sila lihat surah 2, ayat 143. Konsep 'umat pertengahan' ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut lagi.
- <sup>5</sup> Tesis kontroversi Huntington ini muncul pertama kali dalam bentuk tulisan di dalam sebuah makalah berjudul "The Clash of Civilizations?" yang diterbitkan di dalam *Foreign Affairs*, 72:3 (Summer 1993), 22-49. Makalah itu kemudiannya dikembangkan sehingga terhasil sebuah buku dengan judul (1996) *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- <sup>6</sup> Sewaktu saya menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik), Universiti Malaya, saya telah mengundang Samuel Huntington ke Kuala Lumpur untuk menjadi pembentang kertas utama di Persidangan Dialog Peradaban tentang tema "Islam, Japan, and the West: Conflict or Peaceful Coexistence?" anjuran Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya yang diadakan pada bulan Mac 1996. Pembentangannya di Persidangan itu telah mendapat kritikan hebat daripada para peserta. Di Forum Makan Malam yang dianjurkan sebagai salah satu acara Persidangan itu Profesor Huntington, salah seorang ahli panel, sekali lagi melihat tesisnya dikecam hebat khususnya oleh kedua-dua ahli panel lain, iaitu Dr. Noordin Sopie dan Dr. Chandra Muzaffar yang tergolong di kalangan tokoh-tokoh intelektual Malaysia.
- <sup>7</sup> Samuel Huntington, *The Clash of Civilizations*, hlm. 38-39 dan hlm. 66.
- <sup>8</sup> Bagi mendapatkan suatu gambaran umum tentang keluasan dan juga kedalaman tahap pertemuan dan perhubungan antara Islam dan agama-agama lain dalam sejarahnya dan juga bagi mendapatkan huraian tentang ciri-ciri utama perhubungan tersebut, sila lihat Seyyed Hossein Nasr. 1973. *Sufi Essays*.



Albany: State University of New York Press. Bab IX yang berjudul "Islam and the Encounter of Religions," hlm. 123-151

- <sup>9</sup> Max Dimont menulis: "Under their [i.e. Muslim] five-hundred year rule there emerged what has been called the "Spain of three religions and one bedroom" – a Spain where Muslims, Christians, and Jews shared a brilliant civilization that blended their cultures, bloodlines and religions. Under Muslim rule, Spain became the most civilized country in the Western world." Lihat Max I. Dimont, 2001, *The Jews in America: The Roots, History and Destiny of American Jews*. Chicago: Olmstead Press, hlm. 2
- <sup>10</sup> Lihat Maria Rosa Menocal. 2002. *The Ornament of the World: How Muslims, Jews, and Christians Created a Common Culture of Tolerance in Medieval Spain*. Boston-New York-London: Back Bay Books. Tentang pandangan Harold Bloom terhadap kerjasama budaya Islam-Yahudi-Kristian di Andalusia atau Sepanyol di bawah pemerintahan Islam, lihat prakatanya di dalam buku Profesor Menocal yang tersebut di atas.
- <sup>11</sup> Teologi dominan di alam Melayu sejak beberapa kurun yang lalu hinggalah ke zaman sekarang adalah berasaskan teologi mazhab Ash'ariyah. Dalam konsepsi ketuhanannya Abu'l-Hasan al-Ash'ari (m. 330 TH/941 TM).
- <sup>12</sup> Sebilangan besar umat Kristian sudah lama menolak amalan tidak membolehkan perceraian yang terdapat dalam tradisi keagamaan Kristian. Namun demikian, sehingga hari ini masih kedengaran di dunia Barat isu patut atau tidak patut padri Katolik berkahwin dan isu boleh atau tidak boleh pasangan suami isteri Katolik yang mahu bercerai melangsungkan perceraian. Ternyata bahawa trend umum masyarakat Kristian moden dalam menangani isu-isu perkahwinan adalah ke arah pendirian Islam tradisional yang sudah berkurun-kurun lamanya diamalkan.

- <sup>13</sup> Karya terbaik Muslim tentang agama Hindu dan peradaban India pra-Islam adalah buku yang dikarang oleh sarjana dan ahli sains terkemuka Islam, Abu Raihan al-Biruni (973TM-1051TM) pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Ghazni, kerajaan Islam pertama di bumi India di awal kurun kesebelas Masihi. Buku tersebut yang berjudul *Kitab al-hind* ("Buku tentang India") telah pun diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh E. C. Sachau. Sila lihat al-Biruni (1910). *Alberuni's India, An Account of the Religion, Philosophy, Literature, Geography, Chronology, Astronomy, Customs, Laws and Astrology of India*. Terjemahan E. C. Sachau. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. 2 jilid.
- <sup>14</sup> Ada beberapa karya terkenal Muslim tentang agama Buddha. Di antaranya termasuklah karya al-Shahrastani (1086TM-1153TM), agamawan terkenal bangsa Arab dengan judul *Al-Milal wa 'l-nihal* ("Kaum-Kaum Agama dan Kepercayaan Masing-Masing") dan karya Rashid al-Din Fadlallah (1247TM-1318TM), seorang doktor perubatan yang pernah menjadi Perdana Menteri di bawah pemerintahan Ilkhanid dengan judul *Jami' al-tawarikh* ("Sejarah Dunia"). Perbincangan kedua-dua tokoh ilmuwan ini tentang agama Buddha terkandung di dalam karya masing-masing yang tersebut di atas. Rashid al-Din telah menulis tentang riwayat hidup Buddha dan ajarannya.
- <sup>15</sup> S. H. Nasr. *Sufi Essays*, hal. 140